

UCAPAN ALUAN YANG DIPERTUA BAKTI
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT TAHUNAN
KE-9 BAKTI, DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 1HB. JULAI, 1986
PUKUL 3.00 PETANG

Yang Berbahagia Prof. Dato Dr. Hajah Asmah
Hj. Omar,
Tetamu Kehormat BAKTI;

Yang Amat Berbahagia Puan Hajah Asmah bte
Alang,
Naib Yang Di-Pertua BAKTI;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan;

Saudari-saudari dan ahli-ahli BAKTI yang saya kasihi
sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam
sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana
dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul semula di
Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Tahunan Ke-9 BAKTI pada
petang ini.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran puan-puan dan tuan-tuan
dan mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi
penghargaan saya kerana sudi datang untuk menyeri dan
menjalankan juga tugas-tugas kita di Majlis ini.

3. Bagi pihak BAKTI, saya mengucapkan selamat datang dan berbanyak terima kasih, khususnya kepada Tetamu Kehormat kita Yang Berbahagia Prof. Dato Dr. Hajah Asmah Hj. Omar di atas kesudian beliau melapangkan masa untuk bersama-sama dengan kita dan seterusnya merasmikan Majlis ini.

Para hadirin sekalian,

4. Prof. Dato Dr. Hajah Asmah merupakan seorang yang terkenal bukan sahaja di negara ini tetapi juga di rantau Asia dan antarabangsa sebagai seorang tokoh Bahasa. Beliau adalah seorang anak watan Kedah. Sepertimana kita maklum sebelum Peperangan Dunia Kedua, gadis-gadis Melayu tidak mudah mendapat tempat dalam pendidikan di mana-mana juga sekolah Inggeris. Sebaik sahaja selepas perang, peluang bagi gadis Melayu bersekolah menjadi cerah, dan Asmah Omar mula pendidikannya di Sekolah Melayu di Jitra selama empat tahun, barulah menapak ke Kg. Baru Girls' School untuk memasuki Special Malay Class selama dua tahun. Dari situ, Asmah Omar tidak lagi dihalang meningkatkan pelajarannya di Malay Girls College, Kuala Lumpur dan balik semula ke Sultan Abdul Hamid College, Alor Setar untuk mengakhiri Tingkatan VI.

5. Dua buah universiti di seberang laut telah memberi Asmah Omar ijazah-ijazah yang dipelajari, iaitu, Sarjana Muda Sastera Universitas Indonesia dalam Bahasa dan Kesusasteraan Indonesia pada tahun 1961 dan Sarjana Sastera pada tahun 1963. Yang cemerlang sekali ialah Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dalam General Linguistics pada tahun 1969 dari University of London. Dengan kelulusan itu, maka Negeri Kedah dan Malaysia mendapat seorang wanita Melayu pertama mendapat gelaran Doktor Falsafah.

6. Dr. Asmah telah memegang beberapa jawatan dalam Pusat Bahasa, Universiti Malaya dan sekarang memegang jawatan Prof. Linguistik Melayu dan Timbalan Naib Canselor

(Perjawatan) di Universiti Malaya. Selain daripada itu Prof. Dr. Asmah telah kerap kali diundang ke Indonesia, Perancis, Qatar, Hawaii dan negeri Thai sebagai Professor Pelawat. Beliau juga menyertai banyak badan-badan dan persatuan bahasa di dalam negeri dan antarabangsa sehingga dianugerahkan gelaran Ahli Bahasa yang terkemuka di Malaysia pada tahun 1978.

7. Penerbitan buku-buku, karangan mengenai bahasa Malaysia dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan banyak diterbitkan dan kita tidak hairan kenapa Prof. Dr. Asmah Omar dikurniakan dengan Bintang-bintang Penganugerahan AMN, SDK dan DSDK yang membawa gelaran Dato kepada beliau. Kami dalam BAKTI mengucapkan tahniah dan amat bertuah dan merasa megah kerana dapat menjemput seorang tokoh wanita yang begitu terkenal untuk merasmikan pembukaan Mesyuarat kita ini.

8. Sebelum itu saya ingin menerangkan serba sedikit mengenai BAKTI untuk Yang Berbahagia Prof. Dato'. BAKTI diwujudkan pada tahun 1977 dan dengan izin Allah Subhanahu Wataala dapat memajukan objektif dan aktivitinya dengan kerjasama dan tenaga ahli-ahli dalam BAKTI. Tahun demi tahun, BAKTI menjalankan aktiviti kebajikan, dan pada tahun 1985 dua aktiviti yang penting telah dijalankan. Satu daripadanya ialah pelancaran Tabung Dermasiswa BAKTI untuk murid-murid miskin sekolah rendah dan menengah, dan pada tahun ini telah ditibangkan pula untuk murid-murid dari tingkatan VI.

9. Yang kedua, BAKTI telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan melibatkan ibubapa dalam Pencegahan Dadah pada bulan Oktober 1985. Usaha BAKTI ini telah menarik badan-badan wanita dan belia di seluruh negara mengorak langkah untuk menganjurkan pula seminar dan bengkel di tempat masing-masing bagi tujuan yang sama. Mudah-mudahan

sambutan dan minat badan-badan wanita peringkat negeri akan mengalakkan.

10. Pada tahun ini pula, dua lagi rancangan telahpun diatur. Satu daripadanya ialah menyertai pertandingan badminton merebut Piala Pusingan Toh Puan Suhailah di Pulau Pinang yang telahpun berlangsung minggu lalu. Pasukan BAKTI telah berjaya memasuki peringkat separuh akhir tetapi gagal ke peringkat seterusnya setelah ditewaskan oleh Pasukan Bistari dari Melaka 4-1. Piala Pusingan itu dibawa balik ke Melaka setelah Pasukan Mawar dari Johor ditewaskan 3-2.

11. Rancangan kedua ialah Projek Amal Walkaton pada bulan September ini untuk mengutip derma menenuhi semula Tabung Kebajikan yang kian kurang. BAKTI dengan seberapa boleh membantu pihak-pihak yang memohon setelah dikaji dengan teliti rayuan-rayuan mereka. Adakalanya BAKTI terpaksa menolak beberapa rayuan kerana rayuan-rayuan tersebut adalah di luar daripada dasar penaburan derma-derma BAKTI.

Yang Berbahagia Prof. Dato,

12. Saya cuma dapat meringkaskan aktiviti BAKTI dalam ucapan ini kerana dua sebab; pertamanya, laporan-laporan yang teliti telahpun dimasukkan dalam Buku Laporan dan; keduanya, saya bimbang Tetamu Kehormat kita menguji bahasa saya. Oleh itu, saya mohon berhenti berucap, dan sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Dato Dr. Hajah Asmah Omar kerana sudi memenuhi hajat BAKTI pada petang ini. Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
